



SME Digital Financing /-i

Pertanyaan Lazim

Am				
1	S	Apakah jenis kemudahan yang ditawarkan dalam Pembiayaan Digital PKS/-i ini?		
	A	Ada tiga (3) jenis kemudahan yang ditawarkan:		
		Pinjaman/ Pembiayaan Segera Dalam Talian	Pinjaman/ Pembiayaan Perniagaan	Pinjaman/ Pembiayaan Hartanah Perniagaan
		Pembiayaan Berjangka sehingga RM500K	Pembiayaan bersesuaian, sehingga RM20 juta	Pembiayaan berjangka, sehingga RM3juta
		Kelayakan : Minimum 1 tahun beroperasi	Kelayakan : Minimum 3 tahun beroperasi	Kelayakan : Minimum 3 tahun beroperasi
		Khusus untuk modal kerja sahaja.	Pelbagai pilihan penyelesaian pembiayaan.	Khusus untuk pembelian hartanah yang diduduki oleh pemilik.
Rekod CCRIS				
1	S	Apakah jangkamasa rekod pinjaman/pembiayaan dalam CCRIS yang akan dinilai oleh Bank? Adakah 6 atau 12 bulan?		
	A	Bank akan membuat penilaian rekod untuk jangkamasa 12 bulan.		
2	S	Pinjaman/pembiayaan syarikat saya dengan bank lain sedang dalam penyusunan dan penjadualan semula. Adakah ia akan menjejaskan permohonan pinjaman/pembiayaan baru dengan Bank ini?		
	A	Kemudahan pembiayaan yang berada dibawah penyusunan dan penjadualan semula mungkin akan menjurus kepada skor yang kurang memuaskan pada rekod anda justeru, menjejaskan pinjaman/ pembiayaan yang dipohon.		
3	S	Saya mempunyai denda atau saman dari syarikat Telco/ Utiliti. Adakah ia akan mempengaruhi permohonan pinjaman/ pembiayaan baru dengan Bank ini?		
	A	Denda atau saman yang tidak dijelaskan mungkin akan menjurus kepada skor yang kurang memuaskan pada rekod anda justeru, menjejaskan pinjaman/ pembiayaan yang dipohon. Anda disarankan untuk menjelaskan bayaran/yuran yang tertunggak dan untuk bayaran seterusnya dengan memilih proses bayaran secara Arahan Tetap bagi memastikan ketepatan bayaran di masa hadapan.		



SME Digital Financing /-i

Pertanyaan Lazim

4	S	Syarikat saya mempunyai kemudahan Sewa-Beli dengan bank lain dimana bayaran kebiasaanya lewat dalam 1 bulan. Adakah ia akan mempengaruhi permohonan pinjaman/ pembiayaan perniagaan saya?
	A	Kami mengambil kira ketepatan bayaran pinjaman/ pembiayaan dalam penilaian kami. Sebarang kelewatan bayaran kepada pinjaman/ pembiayaan anda akan memberi impak yang negatif kepada permohonan pinjaman/pembiayaan anda
5	S	Adakah skor kredit peribadi pengarah,/ pemegang saham/ pemilik perniagaan dan skor kredit perniagaan/syarikat akan mempengaruhi permohonan yang dibuat?
	A	Ya. Kedua-dua skor kredit tersebut akan mempengaruhi permohonan pembiayaan perniagaan anda.
6	S	Jika pengarah,/ pemegang saham/ pemilik perniagaan sedang menghadapi kes undang-undang, adakah ia akan mempengaruhi permohonan yang dibuat?
	A	Ya. Sebarang kes yang masih dalam prosiding undang-undang akan mempengaruhi permohonan pembiayaan perniagaan anda.

Sejarah Permohonan Pinjaman/Pembiayaan

1	S	Permohonan pinjaman/pembiayaan saya telah ditolak oleh bank lain baru-baru ini. Adakah ia akan mempengaruhi permohonan pinjaman/ pembiayaan saya dengan Maybank?
	A	Setiap bank mempunyai tatacara /prosedur asas tersendiri untuk menilai permohonan pinjaman/ pembiayaan. Keputusan dari bank lain tidak semestinya mempengaruhi permohonan pinjaman/ pembiayaan anda dengan Maybank.
2	S	Saya adalah pegarlah kepada 3 syarikat dimana 2 syarikat tersebut sudahpun mempunyai pinjaman/pembiayaan dengan Maybank selama lebih daripada 3 tahun. Saya ingin buat permohonan pinjaman/ pembiayaan perniagaan untuk syarikat saya yang lain. Bagaimanakah pinjaman/pembiayaan dari kedua-dua syarikat tersebut akan mempengaruhi permohonan baru saya?
	A	Komitmen keseluruhan yang tinggi mungkin memberi impak ketika mendapatkan kredit baru untuk syarikat yang berkaitan. Anda disarankan untuk memastikan trek rekod bayaran yang baik bagi semua kemudahan pinjaman/ pembiayaan anda.
3	S	Permohonan pinjaman/pembiayaan saya telah ditolak oleh Maybank baru-baru ini. Adakah terdapat tempoh bertenang sebelum saya boleh mohon semula?
	A	Anda boleh mohon semula selepas 3 bulan.
4	S	Syarikat saya mempunyai beberapa pinjaman/ pembiayaan yang telah diluluskan di bank lain dalam tempoh 12 bulan yang lepas. Adakah ia mempengaruhi permohonan pinjaman/ pembiayaan perniagaan saya dengan Maybank?
	A	Komitmen keseluruhan yang tinggi mungkin memberi impak ketika mendapatkan kredit baru.



SME Digital Financing /-i

Pertanyaan Lazim

Kelayakan Permohonan Pinjaman/ Pembiayaan

1	S	Perniagaan saya telah beroperasi selama 1.5 tahun. Adakah ia akan mempengaruhi permohonan pinjaman/ pembiayaan saya? Berapakah tempoh minimum operasi yang diperlukan?								
	A	Tempoh operasi dalam perniagaan mungkin membawa merit dalam penilaian kredit. Keperluan minimum operasinya berbeza bergantung kepada jenis kemudahan pinjaman/pembiayaan yang dipohon.								
		<table><tr><th>Jenis Kemudahan</th><th>Tahun Beroperasi</th></tr><tr><td>Pinjaman/ Pembiayaan Segera Dalam Talian/-i</td><td>1 tahun</td></tr><tr><td>Pinjaman/Pembiayaan Perniagaan</td><td>3 tahun</td></tr><tr><td>Pinjaman/ Pembiayaan Hartanah Perniagaan</td><td>3 tahun</td></tr></table>	Jenis Kemudahan	Tahun Beroperasi	Pinjaman/ Pembiayaan Segera Dalam Talian/-i	1 tahun	Pinjaman/Pembiayaan Perniagaan	3 tahun	Pinjaman/ Pembiayaan Hartanah Perniagaan	3 tahun
	Jenis Kemudahan	Tahun Beroperasi								
Pinjaman/ Pembiayaan Segera Dalam Talian/-i	1 tahun									
Pinjaman/Pembiayaan Perniagaan	3 tahun									
Pinjaman/ Pembiayaan Hartanah Perniagaan	3 tahun									
2	S	Perniagaan saya telah beroperasi selama 3 tahun tanpa sebarang pinjaman/ pembiayaan bank. Adakah ia akan mempengaruhi permohonan pinjaman/ pembiayaan saya?								
	A	Trek rekod pinjaman/ pembiayaan lampau mungkin akan memantapkan peluang untuk mendapatkan kredit. Namun, pertimbangan akan juga kami berikan kepada hubungan perniagaan yang terjalin diantara pemilik perniagaan dan syarikat dengan kami.								
3	S	Adakah terdapat syarat jualan tahunan minimum untuk mendapat kelulusan permohonan bagi pinjaman/ pembiayaan?								
	A	Jualan tahunan merupakan salah satu penunjuk prestasi dan ianya mungkin mempengaruhi amaun pinjaman/ pembiayaan yang anda layak. Tidak ada syarat pada jualan tahunan minimum.								
4	S	Jika syarikat/perniagaan memegang dua (2) akaun bank, penyata akaun bank manakah yang patut dikemukakan kepada Bank?								
	A	Digalakkan untuk menyerahkan kedua-dua penyata akaun bank sebagai sokongan dan untuk meningkatkan peluang kelulusan.								



SME Digital Financing /-i

Pertanyaan Lazim

Kelayakan Permohonan Pinjaman/ Pembiayaan		
5	S	Saya adalah pemilik tunggal tanpa mana-mana pinjaman/ pembiayaan dan menggunakan kad kredit peribadi untuk menanggung perniagaan saya. Adakah ia akan mempengaruhi permohonan pinjaman/ pembiayaan perniagaan saya?
	A	Trek rekod bayaran kepada semua pinjaman/ pembiayaan akan mempengaruhi permohonan anda. Ini termasuk kad kredit peribadi dan pinjaman/ pembiayaan peribadi pemilik perniagaan. Penyelenggaraan akaun yang memuaskan dan ketepatan bayaran pada Kad Kredit pemilik akan memantapkan peluang untuk mendapatkan kredit. Syarat am nya ialah dengan mengekalkan maksimum 3 kad kredit dengan bank lain dengan nisbah purata penggunaan tidak melebihi 70%.
6	S	Adakah semua perniagaan dalam industri layak untuk memohon?
	A	Semua perniagaan dalam industri digalakkan untuk memohon, namun kelulusan diberikan adalah tertakluk kepada penilaian kredit Bank. Selain itu, perniagaan anda mestilah jenis perniagaan yang patuh syariah untuk melayakkan anda memohon Pembiayaan Digital PKS-i.
7	S	Bagi permohonan yang dibuat oleh syarikat /perniagaan, adakah terdapat sebarang sekatan umur dikenakan ke atas pengarah/ pemegang saham/ pemilik perniagaan?
	A	Syarikat/ perniagaan dimana pengarah/ pemegang saham/ pemilik perniagaannya berusia antara 21 – 65 tahun, adalah digalakkan untuk memohon.
8	S	Adakah syarikat yang pemegang sahamnya bukan warganegara, layak untuk memohon pembiayaan ini?
	A	Pembiayaan ini hanya layak untuk syarikat dimana lebih daripada 50% pegangan sahamnya dimiliki oleh warganegara Malaysia.
9	S	Adakah semua jenis hartanah layak untuk mendapat pembiayaan dibawah Pinjaman/Pembiayaan Hartanah Perniagaan-i ini?
	A	Tidak. Pembiayaan ini hanya untuk pembiayaan unit hartanah jenis komersil/ industri sahaja.
10	S	Adakah pelanggan bukan Maybank layak untuk mendapatkan Pinjaman/ Pembiayaan Hartanah Perniagaan-i?
	A	Tidak.. Pelanggan sedia-ada Maybank sahaja yang layak untuk mendapatkan pembiayaan Pinjaman/ Pembiayaan Hartanah Perniagaan-i.

SME Digital Financing /-i

Pertanyaan Lazim

Khidmat Nasihat		
1	S	Saya menghadapi kesukaran untuk membuat bayaran kepada pinjaman/pembiayaan sedia ada perniagaan saya. Adakah terdapat mana-mana agensi atau organisasi yang boleh saya rujuk untuk bantuan rundingan?
	A	Anda boleh menghubungi Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK), agensi yang ditubuhkan dibawah Bank Negara Malaysia untuk mendapatkan nasihat bagi permohonan penyusunan semula atau penjadualan semula pembiayaan sedia ada, serta kemudahan pembiayaan baru (yang mana perlu). Sila rujuk kepada https://customer.akpk.org.my untuk maklumat lanjut. Penafian: Pautan tidak terdapat pada butang ini, Sila salin pautan untuk melayari laman sesawang.
2	S	Adakah Maybank menyediakan sebarang perkhidmatan rundingan atau seminar percuma kepada PKS tentang cara-cara untuk memperbaiki skor kredit supaya peluang untuk mereka mendapatkan kelulusan pinjaman/ pembiayaan adalah lebih baik?
	A	Pihak Bank sentiasa memberikan bantuan yang berterusan supaya PKS dapat mengembangkan perniagaan mereka melalui pelbagai inisiatif bagi melengkapkan PKS dengan pengetahuan dan keupayaan yang diperlukan. Antaranya ialah seminar pendidikan kepada PKS berkenaan aspek Celik Kewangan, Membina Kapasiti dan Keupayaan. Program ini dikendalikan sepanjang tahun di seluruh negara. Untuk acara / program akan datang, anda boleh merujuk kepada cawangan atau hubungi kami di MGCC SME Care Hotline di talian 1-300-80-8668 untuk maklumat lanjut.